



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJIKAN SETUJU BAYAR GAJI PEKERJA TERABAI DI Pengerang, Johor

Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah menjalankan prosiding pendengaran kes tuntutan buruh yang melibatkan seramai 733 pekerja asing di Pengerang, Johor pada 5 Februari 2024.

Tuntutan yang difailkan melibatkan bayaran gaji yang belum dibayar sejak mereka dibawa masuk ke dalam negara dan mereka juga tidak diberi pekerjaan seperti yang dijanjikan. Prosiding ini dilaksanakan oleh pegawai dari Jabatan Tenaga Kerja Johor dengan kehadiran majikan dan pekerja serta disaksikan oleh pegawai dari Kedutaan Bangladesh. Kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan bersama dengan pembayaran gaji sejumlah **RM1,035,557.50** kepada pekerja-pekerja berkenaan. Kementerian menegaskan bahawa pekerja yang dibawa masuk dan tidak diberikan pekerjaan masih menjadi tanggungjawab majikan untuk membayar gaji pekerja sepertimana yang ditegaskan oleh Menteri Sumber Manusia pada 16 Januari 2024 semasa mengulas mengenai kes ini. Pihak syarikat juga akan menempatkan pekerja-pekerja tersebut kepada majikan baru melalui **Proses Pertukaran Majikan (PTM) Khas** yang akan dibantu oleh JTKSM.

Kejayaan prosiding ini menjadi satu '*landmark case*' yang akan menjadi rujukan dalam kes buruh selepas ini kerana ia melibatkan pekerja asing yang dibawa masuk secara sah tetapi tidak diberikan pekerjaan setiba mereka dalam negara dan diabaikan. Majikan yang didapati bersalah akan disenarai hitam oleh pihak berkuasa dan baki kuota pekerja asing akan dibatalkan.

KSM tidak akan sesekali berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar perundangan perburuhan, dan akan sentiasa memastikan kebajikan pekerja sentiasa terjamin.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
8 FEBRUARI 2024